



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **KARNIVAL SUKAN IPTWP PEMANGKIN KE ARAH MAHASISWA SIHAT DAN CERGAS**

**KUALA LUMPUR, 11 Februari 2017** - Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Universiti Malaya (UM) hari ini menganjurkan Program Karnival Sukan Institut Pengajian Tinggi (IPT) Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2017.

Program yang dilaksanakan selama dua hari bermula pada 11 – 12hb Februari 2017 (Sabtu & Ahad) bertempat di Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur menyasarkan penyertaan mahasiswa IPTA dan IPTS di Wilayah Persekutuan. Pelbagai acara sukan seperti larian sukan IPTWP2017, bola jaring, ping pong, badminton dan futsal diadakan termasuk gerai pameran Wushu, Muay Thai, aktiviti urutan sukan, zumba dan khemah khusus bagi mempromosikan penyertaan para mahasiswa wanita untuk menyertai Program Konvoi Berbasikal Wanita 2017 yang dijadualkan pada 11 Mac 2017 di Dataran Putrajaya, Presint 3, Putrajaya.

Terdapat pelbagai hadiah menarik yang ditawarkan kepada semua peserta karnival sukan pada hari ini. Bagi acara futsal, bola jaring, badminton dan ping pong, Johan akan membawa pulang RM3000 berserta medal, piala iringan dan sijil penyertaan, Naib Johan pula menerima RM2000 berserta medal, piala iringan dan sijil penyertaan manakala Tempat Ketiga menerima RM1000 berserta medal, piala iringan dan sijil

penyertaan. Peserta pertama hingga ke sepuluh bagi kategori lelaki dan wanita dalam acara Larian Karnival Sukan IPTWP akan menerima medal dan sijil penyertaan dan bagi kategori berpasukan pula akan menerima hamper. Terdapat juga 30 hadiah cabutan bertuah yang disediakan khusus kepada peserta larian yang lain.

Objektif utama program ini ialah untuk memupuk amalan gaya hidup sihat di kalangan warga belia khususnya mahasiswa universiti awam dan swasta di Wilayah Persekutuan dan juga untuk mewujudkan suasana yang harmoni dan bersatu di kalangan warga Wilayah Persekutuan. Selain itu, ini adalah platform terbaik bagi melebarluaskan program dan aktiviti sukan dikalangan generasi belia khususnya para mahasiswa supaya terlibat sama dalam pembangunan sukan Wilayah Persekutuan. Program turut dihadiri YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan yang membuat *flag off* seramai 2000 peserta Larian Karnival Sukan IPTWP.

Diharapkan melalui penganjuran program melibatkan golongan muda yang terdiri daripada pelbagai peringkat ini dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan dan kerjasama dalam kalangan mahasiswa selaras dengan tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan iaitu **“Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera”**. Selain itu, semangat perpaduan, kekitaan, kebersamaan dan menambahkan rasa sayang kepada Wilayah Persekutuan akan terus teguh di kalangan mahasiswa Wilayah Persekutuan.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

11 Februari 2017